

# **KERAJAAN NEGERI KELANTAN**

## **PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN KELANTAN BILANGAN 12 TAHUN 1976**

### **KUASA MEMBAHARUI LESEN MENDUDUKI SEMENTARA (T.O.L) YANG DIWAKILKAN KEPADA PEMUNGUT HASIL TANAH**

Pekeliling ini dikeluarkan untuk menarik perhatian semua PHT kepada Seksyen 67 KTN dan Perwakilan Kuasa Kn. P.U 9/1975 bagaimana salinannya yang berkembar.

2. Menurut Seksyen 67(3) KTN dan perenggan 1(d) Perwakilan Kuasa yang di atas PHT diberi kuasa untuk membaharui Lesen Menduduki Sementara bagi 3 pembaharuan sahaja dan selepas itu pembaharuan boleh dibuat hanya dengan kelulusan Pihak Berkuasa Negeri (MMK).

3. Dalam soal membaharui Lesen TOL bagi tanah-tanah yang dahulunya diluluskan oleh PHT di bawah Perwakilan Kuasa yang lama menurut Kn. G.N No. 25/1939 Kerajaan (MMK) selepas menimbang Kertas Bil 15/591/76/(39) telah memutuskan sebagai satu Dasar Kerajaan, bahawa PHT bolehlah membaharui Lesen TOL selama 3 tahun dengan tertakluk kepada Seksyen 67(3) KTN bagi tahun-tahun 1976,1977 dan 1978 sahaja. Permohonan untuk membaharui Lesen TOL bagi tahun 1979 hendaklah diangkat semula bagi timbangan dan kelulusan MMK.

4. Dengan adanya keputusan Kerajaan bagaimana di atas, maka bererti bahawa Lesen TOL yang dibenarkan dibaharui oleh PHT dalam tahun 1975 di bawah Perwakilan Kuasa Kn. G.N No.25/1939 adalah dikira sebagai telah diluluskan oleh Pihak Berkuasa Negeri pada pertama kalinya.

5. Pekeliling ini hendaklah dibaca bersama dengan Arahan PTG Bil.3/1975 dan Arahan PTG Bil 3/1976.

**t.t**  
**(Mohd Tajol Aros bin Ahmad)**  
Pengarah Tanah dan Galian,  
Kelantan

**KEPADA:**

Semua P.H.T. dan Penolong P.H.T Kelantan  
Ketua Jajahan Kecil, Gua Musang

**SALINAN KEPADA:**

YB.Dato' Setiausaha Kerajaan Kelantan.  
YB.Dato' Pegawai Kewangan Negeri Kelantan.  
Juru Odit Negeri Kelantan.  
Pengarah Ukur Negeri Kelantan.  
Pegawai Tadbir, L.K.T.N Kelantan.  
Ketua Rancangan Penyelesaian Tanah Kelantan

**PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN  
KELANTAN, KOTA BHARU.**

PTG.Kn.SULIT 13/75(16)

**BERTARIKH:** 22HB SEPTEMBER 1976

**NEGERI KELANTAN**

**WARTA KERAJAAN**

---

Jil 28  
Bil 17

14hb Ogos 1975

TAMBAHAN NO 5  
PERUNDINGAN

---

Kn.P.U. 9

**KANUN TANAH NEGARA 1965  
(No 56 Tahun 1965)  
MEWAKILKAN KUASA DI BAWAH SEKSYEN 13**

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh Seksyen 13 dalam Kanun Tanah Negara 1965, Pihak Berkuasa Negeri dengan ini mewakilkan kepada semua Pemungut-pemungut Hasil Tanah menjalankan kuasa-kuasa di bawah Seksyen 42 Kanun Tanah Negara setakat yang diperhal di bawah ini mulai pada 6haribulan Mac, 1975:

- a) Meluluskan miliktanah kepada peneroka-peneroka dalam Rancangan Tanah Lembaga Kemajuan Tanah Negeri yang telah diperakui demikian itu.
  - b) Meluluskan milik tanah kepada pemohon-pemohon yang telah dipilih oleh Jawatankuasa Tanah Bertindih.
  - c) Meluluskan milik tanah di bawah Rancangan Kampung Baharu kepada orang-orang yang dipindah semasa darurat.
  - d) Tertakluk kepada Seksyen 67 (3) Kanun Tanah Negara membaharui Lesen-lesen Menduduki Sementara (TOL) dan
  - e) Memberi kebenaran untuk mengambil atau memindah bahan batu (rock material) di bawah Penggan II, Bahagian Empat, Bab 3 Kanun Tanah Negara.
2. Warta Kerajaan Kelantan Bil 25 bertarikh 7hb Februari 1939 adalah dengan ini dibatalkan.

Diperbuat pada 17hb April 1975  
(PTG Kn. Sulit Bil 13/75)

**HASSAN BIN HAJI HUSSEIN**  
Setiausaha Majlis Mesyuarat Kerajaan,  
Kelantan